

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam merupakan doktor yang layak untuk mengubati penyakit yang dihadapi oleh anak-anak syarikat Perbadanan Kemaajuan Ekonomi Negeri (PKEN), demikian Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Ketika menjawab soalan tambahan, Encik Chan Teck Chan (BN-Kota Melaka), Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, Haji Hussein Mahmood berkata, orang yang paling layak menjadi doktor ialah Datuk Musa sendiri.

Encik Chan ingin tahu sama ada PKEN mahu mencari doktor untuk mengubati penyakit yang dihadapi sekarang.

Menjawab soalan asal Datuk Haji Abu Bakar Umar (PAS-Kota Setar) beliau berkata, Kerajaan akan terus menutup anak-anak syarikat P K E N yang mengalami kerugian.

### Simbolik

Haji Hussein menambah, Kerajaan terpaksa mengambil tindakan berani daripada membiarkan kerugian belanjutan.

"Tindakan Kerajaan menutup beberapa anak syarikat PKEN baru-baru ini bukan sebagai simbolik sahaja, tegas beliau.

Menurutnya, Kera-

# Musa saja yang layak

jaan mengarahkan syarikat-syarikat berkenaan ditutup kerana didapati bahawa syarikat-syarikat berkenaan tidak mempunyai harapan lagi.

Haji Hussein menerangkan beberapa anak syarikat PKEN menghadapi kegagalan disebabkan oleh faktor-faktor di luar kawalan mereka.

Akibatnya beberapa anak syarikat berkenaan mengalami kerugian dan terpaksa ditutup dan ini menjadi beban kepada PKEN berkenaan.

### Tindakan

Setelah diteliti dan dibuat kajian mendalam mengenai sebab-sebab dan meneliti setiap pilihan tindakan yang ada, terdapat keadaan di mana Kerajaan

terpaksa mengambil tindakan untuk menghapuskan hutang-hutang Kerajaan Negeri yang dilaburkan dalam syarikat yang gagal tersebut, ujarnya.

Bellau juga menyatakan bahawa kriteria-kriteria digunakan untuk mengesan prestasi anak-anak syarikat PKEN ini samalah seperti yang biasa digunakan oleh pihak sektor swasta.

Bagi syarikat yang mengalami kerugian yang didapati tidak mempunyai masa hadapan yang cerah adalah wajar ia ditutup daripada dibiarakan mengalami kerugian berterusan yang akan membebankan lagi syarikat tersebut, tegas Haji Hussein lagi.